

Nasihat Mahathir kepada rakyat Johor'

B.H. 31 DEC 1992

KUALA LUMPUR, Rabu — Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**, menasihatkan rakyat Johor supaya jangan mengambil bahagian dalam perhimpunan di Istana Johor, 8 Januari ini.

Sehubungan itu, Majlis Tertinggi (MT) Umno menasihatkan Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin jangan campur tangan dalam perhimpunan yang dikatakan mendapat keizinan Sultan Johor.

Dr Mahathir berkata, sudah ada bukti Semangat 46 terba-

bit dengan perhimpunan itu dan inibermakna ada unsur politik parti dalam perkara berkenaan dan kerana itu Umno tidak boleh campur tangan.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan pemimpin Umno dari seluruh negara di sini hari ini, Dr Mahathir berkata, Umno ingin soal perhimpunan itu diselesaikan secara teratur dan tidak membangkitkan perasaan.

"Itulah sebabnya Umno ti-

dak menganjurkan perjumpaan atau perhimpunan seumpama itu bagi mengelak ketegangan.

"Perkara menimbulkan ketegangan tidak baik kepada mana-mana pihak. Adalah baik perkara ini diselesaikan mengikut undang-undang dan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan," katanya.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, pihaknya ingin mengelak daripada berkonfrontasi dengan pihak tertentu cuba mengelakkan

daripada menganjurkan perhimpunan seumpama itu.

"Saya tidak bersetuju dengan konfrontasi. Sebab itu kita meminta Menteri Besar menghadap raja-raja untuk memperjelaskan hasrat kerajaan meminda Perlembagaan.

"Itulah sebabnya kita bersetuju mengadakan perjumpaan dengan raja-raja pada 9 Januari ini dan Majlis Raja-Raja pada 16 Januari, walaupun perjumpaan itu bukan bertujuan mendapat persetujuan kerana persetujuan me-

LIHAT MUKA 2

Kerajaan diminta bertegas

B.H. 31 DEC 1992

DARI MUKA 1

ngenai pindaan Perlembagaan **menghapuskan kekebalan raja di segi undang-undang**) selepas rang undang-undang diluluskan oleh Parlimen.

Dr Mahathir berkata, perhimpunan di Istana Johor boleh diadakan tanpa permit, asalkan dalam kawasan Istana.

Katanya, semua pemimpin Umno mendesak kerajaan bertegas mengenai cadangan meminda perlembagaan bagi menghapuskan kekebalan raja di segi undang-undang.

Sementara itu, di Johor Bahru, Sultan Johor mengakui mengundang semua rakyat negeri itu ke majlis menghadap di Istana Besar jam 3 petang 8 Januari ini.

Berucap selepas majlis tahlil di Masjid Abu Bakar di sini sempena Hari Hol Almarhum Sultan Ismail, Sultan Johor menjelaskan majlis itu tidak memerlukan permit polis kerana perjumpaan itu sama dengan majlis lain, seperti jamuan teh dan kunjungan hari raya.